

**TITAH UCAPAN RAJA MUDA PERLIS
DYTM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL SEMPENA
MAJLIS PENUTUPAN KEJOHANAN WOODBALL
PIALA TUANKU CANSELOR UniMAP 2018 (PTCU)
BERTEMPAT DI KOMPLEKS SUKAN SYED SIRAJUDDIN AREEB
PUTRA, UniMAP, PAUH PUTRA, ARAU, PERLIS
PADA 6 MEI 2018, JAM 10.30 PAGI**

Bismillahirrahmanirrahim,

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

“Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju”

serta Salam - *“Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP”*

Alhamdulillah, Saya bersyukur kehadiran Allah Aza Wajalla kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya dapatlah kita bersama-sama pada pagi yang sungguh berbahagia ini.

Mula-mula sekali, Saya ingin mengucapkan penghargaan kepada Jawatankuasa Pelaksana, Pusat Sukan UniMAP dengan kerjasama Persatuan Woodball Perlis serta semua pihak yang menjayakan penganjuran kejohanan kali kedua ini.

Seterusnya, Yang Berhormat-Yang Berhormat, dif-dif kehormat, para peserta, para jemputan serta semua yang sudi melapangkan masa.

Hadirin sekalian,

Sebagai warga Perlis, mengapa kita perlu mempopularkan sukan woodball ini? Khususnya apabila negeri hebat kita ini telah terpilih untuk menjadi tuan

rumah *Woodball World Cup Championship 2020* yang akan datang nanti. Ini adalah kerana:

Pertama

Memberi kesedaran di peringkat Kementerian, IPT dan sekolah bahawa sukan ini mempunyai keistimewaannya tersendiri.

Kedua

Lebih banyak bakat dapat dicungkil sebagai pelapis yang akan bertanggungjawab membawa nama Malaysia ke persada dunia. Tambahan pula pelajar berpeluang bersaing mewakili Malaysia di pentas antarabangsa.

Ketiga

Ia turut meningkatkan lagi ekonomi rakyat negeri sekaligus merubah lanskap sesebuah negeri melalui penganjuran ini.

Keempat

Populariti Malaysia dan Perlis di mata dunia akan meningkat setelah adanya kemasukan pelancong asing apabila kita diberi peluang menjadi tuan rumah bagi kejohanan yang bertaraf dunia, serta

Kelima

Sukan woodball telah pun dimainkan di peringkat universiti Asia dan dunia. Ini sekaligus memberi peluang keemasan kepada pelajar berkenalan, melebarkan jaringan, bertukar-tukar pendapat dan juga idea.

Hadirin sekalian,

Bagi Kejohanan Woodball Piala Tuanku Canselor UniMAP yang anda semua ambil bahagian ini, Saya terpanggil menyatakan sokongan terhadap pernyataan Dato' Zul sebentar tadi agar UniMAP mempertimbangkan untuk

mengembangkan jemputan kejohanan ini kepada IPT Zon Utara dan juga Selatan Thailand.

Saya berharap gandingan UniMAP dan Persatuan Woodball Negeri Perlis (PWPs) akan menghasilkan format kejohanan yang bersesuaian dengan jadual pelajar IPT yang dijemput. Ini bagi mengelakkan mana-mana pasukan tidak mengambil bahagian ataupun kes penarikan diri pada saat-saat akhir kejohanan tersebut.

Hadirin sekalian,

Mengakhiri titah, Saya ucapkan berbanyak terima kasih sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat menjayakan kejohanan ini. Saya berharap akan ada pelajar daripada Perlis dapat mewakili Malaysia sebagai pemain dan kepada yang tidak terpilih, hurkanlah bakti anda dengan membantu Perlis menjadi tuan rumah terbaik WWCC 2020 sama ada sebagai sukarelawan mahupun urusetia.

Dengan ini, Saya merasmikan 'Penutupan Dan Penyampaian Hadiah Kejohanan *Woodball* Piala Tuanku Canselor UniMAP Tahun 2018' di Kompleks Sukan Syed Sirajuddin Areeb Putra UniMAP, Pauh Putra, Perlis.

Sekian,

Wabilahitaufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.